



Noor
Mohamad
Shakil
Harneed

Kejadian jentera penanam cerucuk yang tumbang menghempap kereta sepasang suami isteri di Persiaran Astana, Jalan Meru-Bandar Bukit Raja, Klang sehingga menyebabkan mangsa terbunuh baru-baru ini bukan kejadian pertama. Insiden membabitkan kegagalan jentera berat di tapak pembinaan berdekatan dengan orang ramai dilihat mula menjadi ancaman baru kepada keselamatan orang awam.

Mengikut Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), ia sudah mengambil tindakan undang-undang terhadap lapan kes membabitkan kesalahan berkaitan pengendalian kren di tapak binaan sepanjang tahun ini. Untuk rekod statistik menunjukkan 10 nahas kren berlaku sejak Januari tahun ini membabitkan lapan kematian dan enam daripadanya membabitkan orang awam yang menjadi mangsa keadaan.

Antara kes dilaporkan ialah:

1. Pada 25 Ogos lalu, gadis, Chin Khoon Sing maut apabila keretanya dihempap cangkuk kren yang terjatuh di Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur.

2. Pada 15 April lalu, seorang lelaki maut apabila kren terjatuh dari tingkat 11 bangunan tapak pembinaan di Ara Damansara, Kuala Lumpur.

3. Pada 20 Februari 2016, pemandu maut berikutan lorinya dirempuh kren yang menggelongsor menuruni bukit dekat Taman Duta, Kuala Lumpur.

Secara keseluruhannya 402 pekerja di sektor pembinaan maut mengikut laporan dan siasatan oleh JKKP bagi tempoh 2011 hingga Oktober tahun ini.

Keadaan ini jelas membimbangkan masyarakat kerana bilangan projek pembinaan terutama berhampiran jalan raya serta membahayakan orang ramai dilihat cukup banyak. Maka berdasarkan statistik yang ada ini sejauh mana tahap keselamatan orang awam terjamin?

Sekali lagi tiada gunanya kita mencari kambing hitam untuk dipersalahkan atau menuding jari pada orang lain setelah kejadian seperti ini berlaku sehingga meragut nyawa orang awam yang tidak bersalah. Apa yang pasti kebanyakan daripada nahas ini berpunca daripada kecuai dan kelemahan faktor manusia sendiri.

Justeru, sudah tiba masanya untuk semua pihak memperketatkan dan memperkemaskan prosedur operasi standard (SOP) di kawasan pembinaan secara umumnya dan berhampiran dengan jalan raya atau orang awam khususnya.

Hal ini penting kerana penulis percaya mungkin terdapat kelemahan dalam SOP sehingga insiden seperti ini terus berlaku.

Ambillah peluang ini untuk semak semula SOP sedia ada secara terperinci untuk mengenal pasti kelemahan atau kelonggaran. Tanggungjawab ini perlu dipikul oleh pihak berkuasa yang berkaitan dengan bantuan kepakaran pelbagai agensi supaya tiada yang terlepas daripada pandangan kita. Setiap langkah kawalan dan peraturan keselamatan perlu diperincikan supaya pekerja dan penyelia di tapak pembinaan mudah faham dan dapat mematuhi.

Dalam pada itu, sehebat mana sekalipun SOP yang ada ia tidak akan membawa sebarang manfaat andai syarikat pembinaan, pekerja dan juga penyelia di tapak projek tidak mematuhi. Untuk itu, aspek kawalan dan pemantauan terhadap pematuhan SOP perlu turut diberi perhatian serius.

Penulis percaya inilah antara punca utama yang menyumbang kepada peningkatan kes nahas seperti ini di negara kita. Sikap acuh tidak acuh dan etika kerja sambil lewa pekerja dan penyelia boleh mengundang pelbagai musibah dan malapetaka yang tidak diingini. Perlu diingat kebanyakan buruh binaan di negara kita datangnya dari negara luar seperti Indonesia, India dan Bangladesh. Persoalannya sejauh mana mereka mahir mengendalikan jentera di samping memahami SOP yang ditetapkan?

Dalam konteks ini, kita perlu akui bahawa kebanyakan daripada mereka tiada kemahiran, pengalaman dan juga sijil pentauliahan yang diperlukan untuk mengendalikan sesuatu

jentera serta cukup kompetensi untuk memahami SOP kita. Hal ini biasa berlaku kerana kesukaran untuk mendapatkan tenaga kerja tempatan serta tindakan pemaju dan kontraktor yang terlalu bergantung harap kepada tenaga kerja murah dari luar. Akhirnya yang menjadi mangsa keadaan adalah orang awam dan ini akan terus berlaku lagi andai kita tidak bertindak dengan segera dan tegas.

Bagi maksud ini, proses pemantauan, pengauditan dan pemeriksaan secara mengejut dan berkala perlu dibuat di tapak projek pembinaan di seluruh negara. Langkah pencegahan ini sangat penting dan perlu supaya nasi tidak menjadi bubur lagi. Pasukan penguat kuasa perlu dikerah supaya turun padang dan buat pemeriksaan mengejut supaya penyelia dan pekerja akan lebih peka berhubung tahap keselamatan di tapak projek. Dan jika didapati masih ada yang gagal mematuhi SOP serta terus cuai wajar dikenakan hukuman setimpal dengan

serta-merta, termasuk sita terus kawasan pembinaan dan menghentikan operasi sehingga mereka melakukan tindakan pembetulan yang diperlukan.

Di samping itu, pihak majikan perlu memastikan semua pekerja memahami SOP yang ditetapkan dan pengendali jentera pula memiliki skil dan kelayakan sewajarnya. Jangan kerana kos murah dan mengutamakan aspek keuntungan semata-mata kita main 'tangkap muat' sahaja.

Hakikatnya kita tidak mahu nyawa orang awam melayang begitu saja sehingga timbul persoalan siapa yang bertanggungjawab menjaga nyawa orang awam dalam hal seperti ini. Apa yang pasti tidak boleh ada kompromi dalam soal keselamatan baik membabitkan buruh binaan mahupun orang awam. Justeru, kita mohon agar pihak pemaju dan kontraktor tidak terus cuai dalam soal keselamatan sehingga menganiaya orang awam seperti ini.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM

KEJADIAN jentera penanam cerucuk tumbang menghempap kereta hingga mengorbankan sepasang suami isteri di Bukit Raja, Klang.



Jangan aniaya orang awam



SEORANG gadis maut apabila keretanya dihempap cangkuk kren yang terjatuh di Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur, Ogos lalu.